

Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Universiti Islam Selangor (UIS)**
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@kuis.edu.my
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>



Konsep *Ḥifẓ al-Māl* dalam Pelaburan Bitcoin menurut Perspektif Ulama Maqasid Syariah


The Concept of Ḥifẓ al-Māl in Bitcoin Investment from the Perspective of Maqāṣid al-Sharī‘ah Scholars

Abdulbari Kaje Yamkee , Mohd Hafiz Jamaludin , Hanira Hanafi  , & Moch. Bukhori Muslim  

To cite this article:

Yamkee, A. K., Jamaludin, M. H., Hanafi, H. & Muslim, M. B. (2025). Konsep *ḥifẓ al-māl* dalam pelaburan Bitcoin menurut perspektif ulama maqasid syariah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1422-1444. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.497>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.497>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 16 April 2025

 Submit your article to this journal:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>



Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.



Konsep *Ḥifẓ al-Māl* dalam Pelaburan Bitcoin menurut Perspektif Ulama Maqasid Syariah

[The Concept of *Ḥifẓ al-Māl* in Bitcoin Investment from the Perspective of *Maqāṣid al-Sharī'ah* Scholars]

Abdulbari Kaje Yamkee ¹, Mohd Hafiz Jamaludin ¹, Hanira Hanafi ¹, &
Moch. Bukhori Muslim ^{2*}

¹Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

²Program Studi Hukum Ekonomi Syari'ah (Muamalat), Fakultas Syariah dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Jalan Ir. H. Juanda No.95, Ciputat, Tangerang Selatan, 15412 Banten, INDONESIA.

* Corresponding Author: Abdulbari Kaje Yamkee. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA. ✉ 22079276@siswa.um.edu.my. ☎ (+60) 14-2747404. ORCID iD: <https://orcid.org/0009-0003-3967-5726>.

Keywords:

Bitcoin, Investment, *Maqāṣid al-Sharī'ah*, *Ḥifẓ al-Māl*.

ABSTRACT

Bitcoin is the world's first cryptocurrency, created by Satoshi Nakamoto in 2008. Initially designed as a currency, Bitcoin has increasingly been used as a speculative investment instrument in recent years. The growing popularity of Bitcoin investment among investors has raised questions about its compatibility with the principles of *Maqāṣid al-Sharī'ah* in general and the concept of *ḥifẓ al-māl* in particular. This study aims to analyze the concept of *ḥifẓ al-māl* from the perspective of *Maqāṣid al-Sharī'ah* in relation to Bitcoin investment. *Ḥifẓ al-māl* is one of the five essential objectives of *Maqāṣid al-Sharī'ah*, emphasizing financial security, asset protection, avoidance of excessive risk, fraud and other non-compliant elements. This study adopts a qualitative approach through a literature review to assess the suitability of Bitcoin investment within the framework of *ḥifẓ al-māl* and *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Data was collected from primary and secondary sources. The data were then analyzed based on the established themes. The findings indicate that Bitcoin investment carries both high profit potential and significant risk. Furthermore, ensuring that Bitcoin investment fully aligns with *Maqāṣid al-Sharī'ah*, particularly in the context of *ḥifẓ al-māl*, present considerable challenges due to elements that may lead to both benefit and harm.

Contribution: This study makes a significant contribution in legal, economics and social aspects. From a legal perspective, it proposes a comprehensive guideline for Bitcoin investment. Economically, it enhances understanding of Bitcoin's potential as an alternative investment within the framework of *ḥifẓ al-māl*. Socially, it promotes awareness of syariah-compliant financial management within community.

Kata Kunci:

Bitcoin, Pelaburan, Maqasid Syariah, *Ḥifz al-Māl*.

ABSTRAK

Bitcoin merupakan mata wang kripto pertama yang muncul di dunia ini yang diciptakan oleh Satoshi Nakamoto pada tahun 2008. Bitcoin pada asalnya diciptakan untuk dijadikan mata wang, namun, kebelakangan ini Bitcoin lebih digunakan sebagai satu instrumen pelaburan spekulatif. Pelaburan Bitcoin yang semakin popular dalam kalangan pelabur telah menimbulkan persoalan mengenai kesesuaian pelaburan Bitcoin menurut perspektif maqasid syariah secara umum dan mengikut perspektif konsep *ḥifz al-māl* secara khusus. Maka kajian ini di jalankan untuk menganalisis konsep *ḥifz al-māl* menurut perspektif maqasid syariah terhadap pelaburan Bitcoin. *Ḥifz al-māl* merupakan salah satu daripada lima elemen maqasid syariah yang menekankan keselamatan, perlindungan *al-māl*, penanggungan risiko yang terlalu tinggi, penipuan dan segala unsur-unsur yang tidak patuh syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian literatur untuk menilai kesesuaian pelaburan Bitcoin dan konsep *ḥifz al-māl* menurut maqasid syariah. Data dikumpulkan daripada sumber primer dan sekunder. Kemudian data dianalisis berdasarkan tema yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati bahawa pelaburan Bitcoin mempunyai potensi keuntungan dan kerugian yang tinggi. Selain itu, terdapat cabaran yang besar untuk memastikan pelaburan Bitcoin menepati maqasid syariah sepenuhnya khusus pada konteks *ḥifz al-māl* kerana terdapat unsur-unsur yang membawa kepada kemudaratan dan kemaslahatan.

Sumbangan: Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam aspek perundangan, ekonomi dan sosial. Dari segi perundangan, kajian ini mencadangkan garis panduan yang komprehensif dalam pelaburan Bitcoin. Dari segi ekonomi, kajian ini menyumbang pemahaman mengenai potensi Bitcoin sebagai instrumen pelaburan alternatif berlandaskan prinsip *ḥifz al-māl*. Manakala dari segi sosial, kajian ini mempromosikan kesedaran tentang pengurusan *al-māl* yang patuh syariah dalam kalangan masyarakat.

ARTICLE HISTORY

Received: January 07, 2025
Revised: February 23, 2025
Accepted: March 11, 2025
Available Online: April 16, 2025
Published: June 11, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Yamkee, A. K., Jamaludin, M. H., Hanafi, H. & Muslim, M. B. (2025). Konsep *ḥifz al-māl* dalam pelaburan Bitcoin menurut perspektif ulama maqasid syariah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1422-1444. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.497>

I. PENDAHULUAN

Pada era moden, maqasid syariah mendapat perhatian khusus dalam kalangan ulama dan pengkaji kerana peranannya yang penting dalam membantu proses ijtihad serta menyelesaikan isu-isu semasa dengan berpandukan dalil dan prinsip syariah. Para ulama juga berusaha untuk menyusun maqasid syariah sebagai satu cabang ilmu yang diiktiraf dalam undang-undang Islam, dengan memperkenalkan pelbagai definisi, istilah dan pembahagian yang khusus (Al-Khādīmī, 2001). Maqasid syariah dari segi bahasa terdiri daripada dua

perkataan, iaitu maqasid dan syariah. *Maqāsid* (مقاصد) adalah bentuk jamak dari perkataan *maqṣad* (مقصد) yang berasal dari perkataan *qaṣd* (قصد) yang bermaksud keteguhan jalan atau jalan yang lurus. Manakala, syariah bermaksud tempat-tempat-tempat yang mengalir ke arah sumber air (Ibn Manẓūr, 1994).

Dari segi istilah maqasid syariah merujuk kepada tujuan, masalah dan manfaat yang menjadi dorongan semula jadi manusia untuk mencapainya, ia adalah matlamat kehidupan dan panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui syariat Islam yang penuh dengan petunjuk dan hikmat (Ibn ‘Ashūr, 2004). Maqasid syariah merangkumi dua tujuan utama, iaitu tujuan syarak dan tujuan mukalaf. Tujuan syarak adalah penetapan syariat bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dengan memastikan ia mudah difahami, sesuai dengan kemampuan dan membawa individu tunduk sepenuhnya kepada hukum. Tujuan mukalaf pula adalah syariat menuntut agar setiap individu memahami dan melaksanakan hukum syariat mengikut garis panduan yang telah ditentukan (Al-Shāṭibī, 1997).

Maqasid syariah terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu *darūrīyāt* (keperluan asas), *hājīyyāt* (keperluan tambahan) dan *taḥsīniyyāt* (keperluan pelengkap). Maqasid *darūrīyāt* merujuk kepada perkara-perkara yang mesti dipelihara bagi memastikan kepentingan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Kategori ini melibatkan lima keperluan utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan *al-māl* (harta). Maqasid *hājīyyāt* merujuk kepada keperluan yang diperlukan untuk memberikan keluasan dan mengangkat kesukaran atau kesulitan. Contoh dalam kategori ini ialah rukhsah, seperti keringanan yang diberikan dalam hukum solat ketika bermusafir, kelonggaran untuk berbuka puasa bagi orang yang sakit serta transaksi muamalat seperti akad salam dan *musāqah* (sawah). Maqasid *hājīyyāt* merujuk kepada perkara-perkara yang sesuai dengan nilai-nilai kesempurnaan akhlak dan adab yang baik. Meninggalkan maqasid ini tidak akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan (Al-Khādimī, 2001).

Ilmu maqasid syariah secara tidak langsung dibincangkan oleh Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, yang bertujuan untuk memulihkan kemerosotan peradaban umat Islam terutamanya dalam aspek-aspek seperti intelektual dan politik (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan [PMWP], 2019a). Selain itu, ilmu maqasid syariah juga memainkan peranan penting dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu semasa yang melibatkan pelbagai aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan undang-undang Islam (Ismail & Mat Nor, 2010). Pada era revolusi industri 4.0, satu aktiviti yang semakin berkembang dalam aspek ekonomi adalah pelaburan mata wang kripto seperti Bitcoin (Jubaedah et al., 2022).

Berdasarkan artikel di *Focus Malaysia*, Malaysia berada pada kedudukan ketujuh dalam senarai 27 negara yang memiliki jumlah pemilik mata wang kripto teramai dan Bitcoin adalah mata wang kripto yang paling tertinggi dimiliki (Sooi, 2022). Jumlah pemilikan Bitcoin terkini di Malaysia adalah sekitar satu juta orang, iaitu 2.88% daripada jumlah populasi dengan nilai anggaran sekitar 17 juta USD pada tahun 2024 (*World Population Review*, t.th.). Walau bagaimanapun, mata wang kripto seperti Bitcoin masih menghadapi kekangan dari segi ketelusan dan konsistensi, yang menimbulkan keraguan terhadap kebolehpercayaan. Hal ini disebabkan oleh hakikat bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) belum mengiktiraf mata wang kripto sebagai wang yang sah untuk digunakan dalam urusan perdagangan. BNM tidak mengiktiraf Bitcoin adalah disebabkan oleh Bitcoin tidak sesuai untuk dijadikan sebagai alat pembayaran kerana Bitcoin tidak memenuhi ciri wang yang universal seperti kestabilan nilai dan kemampuan sebagai medium pertukaran. Ketidakstabilan harga, ancaman siber dan kekurangan skalabiliti Bitcoin juga menjadi halangan untuk dijadikan Bitcoin sebagai alat pembayaran yang sah (Bank Negara Malaysia [BNM], 2021). Tambahan pula, *laporan daripada* (“mata wang kripto”, 2024) menyatakan bahawa ketiadaan undang-undang yang komprehensif yang dikeluarkan daripada BNM boleh membawa kepada penyalahgunaan, penipuan dan ketidakstabilan dalam pasaran.

Bitcoin digunakan sebagai alat penukaran atau alat pelaburan (BNM, 2021). Pelaburan Bitcoin dilakukan dengan dua cara, pertama beli dan simpan (*buy and hold*) di mana pelabur membeli dan menyimpannya untuk jangka masa panjang. Kedua, gaya aktif di mana pelabur membeli dan menjual dengan lebih kerap untuk mengambil keuntungan daripada perubahan harga yang cepat (Harvey et al., 2022). Kemunculan Bitcoin sebagai alat pelaburan menyebabkan beberapa isu yang berbangkit seperti isu perundangan, isu risiko keselamatan, dan nilai intrinsik. Ketiadaan undang-undang khusus dalam pelaburan Bitcoin menyebabkan kebanyakan regulator enggan untuk memberi pengiktirafan terhadap status Bitcoin (Buang, t.th.).

Pelaburan Bitcoin juga tidak dikawal oleh undang-undang khusus, menyebabkan pelabur terdedah kepada pelbagai risiko seperti penipuan, penggodaman platform penukaran mata wang kripto. Tambahan pula, transaksi Bitcoin bersifat muktamad, di mana sebarang kesilapan dalam urusan perdagangan tidak dapat diubah atau dibatalkan setelah ia disahkan (Akram, t.th.; Böhme, Christin, Edelman & Moore, 2015; Xian, 2020). Selain itu, Bitcoin juga tiada nilai intrinsik dan perlu dikawal selia untuk mengelakkan daripada berlaku spekulasi sehingga

menyebabkan pelabur menanggung risiko yang terlalu tinggi (Bakar, Rosbi & Kiyotaka, 2017; Huda, 2021; Koc & Bloomberg, 2022).

Strategi pelaburan Bitcoin dan isu di atas menimbulkan persoalan mengenai kesesuaian pelaburan Bitcoin dengan konsep *ḥifẓ al-māl* (pemeliharaan harta) mengikut maqasid syariah. Konsep maqasid syariah menekankan kesejahteraan manusia melalui pemeliharaan lima perkara asas termasuk menjaga harta dengan keadilan (Al-Ghazālī, 1993). Dalam konteks pelaburan, pemeliharaan harta merangkumi tiga peringkat utama kemaslahatan iaitu (Alias et al., 2018; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM], 2021):

- i. *Ḍarūrīyāt* (keperluan asas): Pemeliharaan bersifat asasi, kehidupan manusia akan terancam tanpa keperluan asas ini. Sebarang tindakan yang mencabulnya dianggap sebagai kerosakan.
- ii. *Ḥājīyyāt* (keperluan tambahan): Keperluan yang bersifat memudahkan kehidupan dan mengelakkan daripada kesukaran tetapi bukan bersifat mendesak. Ketiadaannya tidak memusnahkan kehidupan tetapi boleh menyebabkan berlaku kesulitan.
- iii. *Tahsīniyyāt* (keperluan pelengkap): Keperluan yang meningkatkan kualiti hidup dengan menjaga akhlak, adat dan etika yang baik. Ia menjamin kelancaran hidup dalam masyarakat, namun ketiadaannya tidak membawa kesan besar kepada kelangsungan kehidupan manusia.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa amalan semasa dalam pelaburan Bitcoin menunjukkan terdapat beberapa cabaran besar yang menimbulkan persoalan dari sudut pemeliharaan harta. Antara cabaran besar adalah ketiadaan undang-undang khusus dalam pelaburan Bitcoin, ketidakstabilan harga, transaksi tidak boleh dibatalkan dan ketiadaan nilai intrinsik yang disandarkan kepada aset nyata yang boleh bercanggah dengan prinsip harta dalam Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sejauh mana pelaburan Bitcoin sesuai dengan konsep memelihara harta dalam maqasid syariah. Pendekatan ini dapat membantu mewujudkan panduan yang lebih jelas bagi memastikan pelaburan dilakukan dengan beretika, adil dan memelihara kemaslahatan individu serta masyarakat. Dengan memahami cabaran yang wujud, maqasid syariah diharap mampu menjadi kerangka penyelesaian yang efektif dan memastikan pelaburan moden seperti Bitcoin selari dengan tuntutan syariah.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian literatur untuk menilai pelaburan Bitcoin dalam konteks pemeliharaan harta menurut maqasid syariah. Kajian literatur dipilih kerana ia berfungsi sebagai landasan pembangunan ilmu, membentuk garis panduan untuk dasar dan amalan, memberi bukti tentang sesuatu kesan serta mempunyai keupayaan untuk menghasilkan idea dan hala tuju baharu dalam sesuatu bidang (Synder, 2019). Data setiap kajian boleh dikumpulkan melalui data primer dan data sekunder (Yuan, 2018).

Kajian ini mengumpulkan data literatur melalui dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer pada kajian ini diperolehi daripada kitab-kitab berkaitan maqasid syariah, fatwa, laporan rasmi badan pengawalselia seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan BNM. Sehubungan dengan itu, pendekatan kualitatif melalui kajian literatur juga membolehkan penyelidik menganalisis, menilai dan mensintesis maklumat daripada sumber sekunder untuk mengenalpasti jurang penyelidikan yang sebenar dan memastikan kajian ini dibina berdasarkan asas yang kukuh serta tepat. Sumber sekunder boleh diperolehi daripada pelbagai sumber seperti penerbitan kerajaan, laman web, buku, artikel jurnal dan rekod dalaman (Ajayi, 2023). Oleh itu, data sekunder pada kajian ini diperolehi daripada laman web, jurnal-jurnal akademik serta pelbagai rujukan mengenai teknologi Blockchain, Bitcoin dan pelaburan Islam. Seterusnya, data yang diperolehi secara sistematik melalui sumber primer dan sekunder dianalisis dengan membahagikan kepada dua tema iaitu Bitcoin dan ciri-ciri harta; dan Bitcoin dengan konsep harta berdasarkan perspektif maqasid syariah. Tujuannya adalah menilai kesesuaian pelaburan Bitcoin dengan konsep pemeliharaan harta menurut perspektif maqasid syariah.

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Konsep *Ḥifẓ Al-Māl* (Pemeliharaan Harta)

Harta dari segi bahasa adalah segala benda yang boleh diperolehi dan dimiliki oleh seseorang (Ibn Manẓūr, 1994). Manakala, Ibn Athīr menambahkan bahawa harta pada asalnya merujuk kepada emas dan perak kemudian

definisi harta diperluaskan dan merujuk kepada semua jenis benda dan komoditi (Ibn Athīr, 1979). Dari segi istilah, terdapat tiga kumpulan pendapat yang berbeza mengenai definisi harta. Pertama, *fuqahā' ḥanafīyyah* berpendapat bahawa harta hanya merujuk kepada benda fizikal (komoditi) yang boleh disentuh dan dimiliki. Namun manfaat atau hak tidak dikira sebagai harta (Al-Bābartī, 2007).

Harta disisi *fuqahā'* (para ahli fiqah) *ḥanafīyyah* merujuk kepada tiga ciri. Pertama adalah sesuatu yang dimiliki seperti emas, perak gandum dan pakaian. Kedua, sesuatu yang disukai oleh tabiat manusia dan boleh disimpan untuk digunakan pada waktu yang diperlukan. Ketiga, sesuatu yang nyata dan memerlukan kepada usaha untuk memperolehnya (Ibn 'Ābidīn, 1966; Ḥammād, 2001; Al-Bābartī, 2007). *Fuqahā' ḥanafīyyah* juga mensyaratkan bahawa harta mestilah sesuatu yang dapat dikawal selia serta memberi manfaat di sisi syariah (Al-Zuhaylī, 1985).

Kedua, jumhur *fuqahā'* daripada *ḥanābilah*, *mālikiyyah*, dan *shāfi'iyyah* berpendapat bahawa harta bukan sahaja merangkumi benda fizikal tetapi termasuk juga manfaat dan hak, mereka melihat kepada kebolehan memanfaatkan sesuatu di sisi syariah (Anon, 2017). Definisi harta menurut jumhur merangkumi semua benda yang boleh dimiliki dan memberikan manfaat mengikut syariah dan adat seperti makanan, pakaian dan komoditi yang mempunyai nilai. Hak ke atas benda fizikal dan manfaat seperti hak pemilikan, hak atas tanah dan hak sewa juga termasuk dalam definisi harta (Ibn al-Najjār, 1999; Musa, 1994; Al-Shātibī, 1997).

Selain itu, setiap pencerobohan ke atas harta juga perlu digantikan kerugian kepada pemilikinya (Al-Suyūṭī, 1983). Harta juga mestilah sesuatu yang boleh digunakan pada waktu *darūriyāt* dan *ḥājīyyāt* (Al-Bahūtī, 1983). Kumpulan ketiga pula mengatakan bahawa harta merujuk kepada sesuatu yang boleh dimiliki dan dimanfaatkan menurut adat kebiasaan manusia atau adat ('*uruf*') (Al-Qarā'adāghī, 2010). *Fuqahā'* dan sarjana kontemporari juga menekankan aspek nilai di kalangan manusia dan kebolehan memberi manfaat (Musa, 1994). Selain itu, *fuqahā'* dan sarjana kontemporari juga menetapkan harta mestilah boleh diukur nilai dan ditukar dengan wang, jika sesuatu boleh ditukar dengan wang ia dianggap sebagai harta (Husayn, 1985).

Jadual 1

Persamaan dan Perbezaan Fuqahā' terhadap Definisi Harta

Kriteria	<i>Ḥanafīyyah</i>	Jumhur	Sarjana Kontemporari
Skop harta	- Hanya komoditi fizikal yang diterima oleh ' <i>uruf</i> '	- Komoditi fizikal, manfaat dan hak mengikut ' <i>uruf</i> '	- Komoditi fizikal, manfaat dan hak mengikut ' <i>uruf</i> '
Ciri utama harta	- Dimiliki - Disukai oleh tabiat - Nyata	- Dimiliki - Memberikan manfaat	- Dimiliki - Memberi manfaat - Boleh diukur dan ditukar dengan wang
Hak dan manfaat	- Bukan kategori harta	- Kategori harta	- Kategori harta
Syarat utama harta	- Mestilah boleh dikawal selia	- Hak ke atas pencerobohan boleh dimanfaatkan dalam keadaan <i>darūriyāt</i> dan <i>ḥājīyyāt</i>	- Boleh dimiliki dan dimanfaatkan mengikut adat dan boleh dinilai dengan wang
Contoh harta	- Emas, perak, gandum dan pakaian	- Makanan, pakaian, tanah dan hak milik ke atas manfaat	- Benda fizikal, hak milik dan hak ke atas manfaat

Jadual 1 di atas adalah huraian secara ringkas mengenai persamaan dan perbezaan definisi harta mengikut tiga pandangan kumpulan *fuqahā'* dan sarjana kontemporari. Daripada definisi di atas menunjukkan perbezaan dalam kalangan *fuqahā'* dan sarjana kontemporari mengenai harta adalah dari sudut pengiktirafan manfaat dan hak sebagai harta. Namun, ketiga-tiga pandangan mempunyai persamaan mengenai definisi harta terhadap empat aspek iaitu boleh dimiliki; manfaat dari segi syariah; manfaat dari segi '*uruf*'; pengawalan dan perlindungan.

3.1.1 Jenis harta menurut maqasid syariah

Menurut Ibn 'Āshūr (2004), harta dalam maqasid syariah terbahagi kepada tiga jenis. Antara jenis-jenis harta adalah seperti berikut:

- i. Sumber atau aset asas: Harta jenis ini merujuk kepada sumber yang mencukupi untuk membina sistem kehidupan tanpa bergantung kepada elemen lain. Harta ini dianggap sebagai keperluan *ḍarūriyyāt* kerana ketiadaannya akan menyebabkan kesukaran dalam kehidupan manusia (Zain, 2012).
- ii. Sumber atau aset pelengkap: Harta jenis ini merangkumi aset yang dihasilkan untuk melengkapkan sistem kehidupan seperti tanah untuk pertanian. Harta ini dianggap sebagai *ḥājjiyyāt* kerana keperluan kepadanya adalah untuk menghilangkan kesulitan (Zain, 2012).
- iii. Sumber atau aset pengganti: Harta jenis ini merujuk kepada sesuatu yang digunakan untuk mengekalkan dan meningkatkan sistem kehidupan. Harta ini disepakati dalam kalangan masyarakat untuk dijadikan sebagai pengganti seperti wang dan mata wang.

3.1.2 Harta menurut maqasid syariah

Terdapat lima elemen penting yang perlu ada pada harta menurut maqasid syariah. Antara elemennya adalah seperti berikut:

i. Peredaran

Peredaran merujuk kepada proses di mana harta bergerak dalam masyarakat secara sah, seperti melalui perdagangan dan cara-cara lain. Terdapat beberapa mekanisme untuk memastikan harta tersebut diedarkan secara adil dalam kalangan masyarakat. Pertama, pengubalan kontrak (*'uqūd mu'āmalah*), iaitu dengan cara memindahkan harta melalui pertukaran atau sumbangan. Kedua, keterikatan (*iltizām*) kepada kontrak, di mana pematuhan terhadap perjanjian yang telah dibuat perlu dijalankan tanpa boleh dibatalkan kecuali dengan syarat-syarat tertentu. Ketiga, memberi kelonggaran dalam beberapa hal dilarang dengan tujuan memudahkan urusan, seperti membenarkan ketidakpastian (*gharar*) yang kecil dalam kontrak salam. Keempat, memudahkan transaksi beserta mengutamakan manfaat jika dalam transaksi tersebut terdapat unsur-unsur kerosakan (Ibn 'Ashūr, 2011).

Peredaran harta yang teratur dapat membawa kemaslahatan kepada individu dan masyarakat. Walau bagaimanapun, syariah melarang peredaran harta yang bercanggah dengan prinsip syariah seperti amalan riba, menyimpan barang keperluan asas, perjudian, penipuan dan ketidakpastian (Siddiq, 2017). Amalan riba dalam konteks pemilikan harta secara jelas adalah diharamkan oleh syariah seperti mana yang dinyatakan dalam hadis riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī RA:

لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ لِدَّهَبٍ، إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، لَا تُشَفُّوا بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ لَوَرَقٍ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، لَا يُشَفُّ بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا غَائِبًا بِنَاجِزٍ

[Muslim, *Kitāb al-Musāqāh, Bāb al-Ribā*, nombor hadis 1584]

Maksudnya:

“Janganlah kamu menjual emas dengan emas kecuali sama dengan sama. Dan janganlah kamu melebihikan sebahagian atas sebahagian yang lain, dan janganlah kamu menjual perak dengan perak kecuali sama dengan sama, dan janganlah kamu melebihikan sebahagian atas bahagian yang lain, dan janganlah kamu menjual sesuatu yang yang belum ada dengan sesuatu yang sudah tersedia.”

Berdasarkan hadis ini, ulama telah bersepakat bahawa riba adalah diharamkan secara umum (Al-Nawawī, 1994). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 275:

﴿الَّذِينَ كُنُوا الرِّبَايَةَ لَا يَكْمِلُ فِيمَا كَانُوا إِلَّا كَمَلِئُوا مِنَ الشَّيْطَانِ مِنْ أَمْرٍ ذَلِكَ كَانُوا يَكْفُرُونَ﴾ وَأَحَلَّ لِلْبَيْعِ وَالْحَلَّ لِلْبَيْعِ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَلْيُصْلِحْ فِئْتَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَىٰ رَبِّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan bahawa sesungguhnya

berniaga itu sama sahaja seperti riba. Padahal Allah SWT telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT telah membantah golongan yang menyamakan jual beli yang halal dengan riba yang haram (Ibn Kathīr, 1998). Jabatan Mufti Negeri Selangor (2020) telah menyatakan bahawa, Islam melarang peredaran harta yang mengandungi elemen penipuan, perjudian dan ketidakpastian serta tidak mengambil manfaat untuk kepentingan diri sendiri. Larangan ini menepati hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ فَلَيْسَ مِنَّا وَمَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

[Muslim, *Kitāb al-Īmān*, Bāb Qawl al-Nabiyy Ṣallā Allāhu ‘Alayhi Wasallam Man Ghashshanā fa Laysa Minnā, nombor hadis 101]

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang mengangkat senjata kepada kami maka dia bukan dari kalangan kami, dan siapa yang menipu kami maka dia bukan dari kalangan kami.”

Para *fuqahā*’ bersepakat bahawa maksud bukan daripada kalangan kami dalam hadis di atas adalah menuju kepada orang yang melakukan penipuan dan dilarang dalam syariah (PMWP, 2018a). Islam juga melarang perjudian seperti mana firman Allah SWT pada surah al-Baqarah ayat 219:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَا ذَلَّلُوا بِئُفْقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: “Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.” Dan mereka bertanya pula kepadamu: “Apakah yang akan mereka belanjakan (dermakan)?” Katakanlah: “Dermakanlah apa-apa yang berlebihan daripada keperluan (kamu).” Demikianlah Allah SWT menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya supaya kamu berfikir.

Berdasarkan ayat di atas, setiap aktiviti perjudian mempunyai manfaat yang dihasilkan daripada keuntungan daripada jual beli. Walau bagaimanapun, manfaat ini tidak setimpal dengan kemudaratan dan kerosakan yang diakibatkan oleh perjudian kerana perjudian berkaitan dengan agama. Oleh sebab itu, Allah SWT menjelaskan bahawa dosa perjudian lebih besar daripada manfaatnya. Maka ayat ini menjadi pengantar kepada pengharaman perjudian secara mutlak (Ibn Kathir, 1998). Selain itu, syariah juga melarang ketidakpastian dalam jual beli seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA:

هَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَعَنِ بَيْعِ الْعَرْرِ

[Muslim, *Kitāb al-Buyū*, Bāb Buṭlān Bay’ al-Ḥaṣāh wa al-Bay’ alladhī fihi Gharar, nombor hadis 1513]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW melarang jual beli al-ḥaṣāh (melemparkan batu untuk menentukan sesuatu jual beli) dan jual beli gharar.”

Jual beli *gharar* yang dimaksudkan di dalam hadis merangkumi jual beli sesuatu yang tidak wujud (*al-ma’dūm*), tidak diketahui keadaannya (*al-majhūl*), tidak dapat diserahkan kepada pembeli, belum dimiliki sepenuhnya oleh penjual dan jual beli ikan di dalam air. Semua jenis akad jual beli ini batal kerana mengandungi unsur *gharar* yang tidak diperlukan (*ghayr ḥājah*) dalam urusan jual beli (Al-Nawawī, 1994). Selain itu, Islam tidak

menggalakkan harta dibiarkan beku tanpa menghasilkan sebarang kemanfaatan serta mesti disalurkan kepada golongan yang memerlukan (Ibn 'Ashūr, 2011). Firman Allah SWT pada surah al-Ḥashr [59] ayat 7:

﴿ مَا أَفَاءَ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَإِنَّ السَّبِيلَ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً يَدْرَأُونَ الْأَغْنِيَاءَ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَلَنْتَهُوا وَاتَّقُوا ۚ إِنَّ شَدِيدَ الْعِقَابِ يُصِيبُ ﴾

Maksudnya:

Harta rampasan (Fai) dari mereka yang diberikan Allah SWT kepada Rasul-Nya (yang berasal dari penduduk beberapa negeri, adalah untuk Allah SWT, Rasul SAW, kerabat (Rasul SAW), anak-anak yatim, orang-orang miskin dan untuk orang-orang yang dalam perjalanan agar harta itu bukan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah dan bertakwalah kepada Allah SWT. Sungguh, Allah SWT sangat keras hukuman-Nya.

Ayat di atas menunjukkan setelah harta rampasan diserahkan kepada Rasulullah SAW, baginda mengedarkan harta tersebut kepada kemaslahatan umat Islam (Ibn Kathīr, 1998). Selain itu, pengedaran harta juga boleh dilakukan melalui sedekah harta yang disayangi pada jalan Allah SWT seperti mana firman Allah SWT pada surah Āli 'Imrān [3] ayat 92:

﴿ لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمِمَّا تَنْفِقُونَ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ بِهِ عَلَيْكُمْ ۙ ﴾

Maksudnya:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya.

Ayat di atas menunjukkan bahawa Abū Ṭalḥah RA, sahabat Rasulullah SAW telah bersedekah harta kesayangannya untuk kebaikan dan ganjaran di sisi Allah SWT (Ibn Kathīr, 1998).

ii. Jelas (Al-Wuḍūḥ)

Jelas terhadap harta menurut maqasid syariah adalah memastikan urusan yang berkaitan dengan harta itu jelas dan bebas daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada kemudharatan dan pertikaian (Ibn 'Ashūr, 2011). Menurut Imam Syafii, terdapat lapan perkara asas yang dilarang dalam syariah iaitu riba, gharar, perjudian, penipuan, rampasan, monopoli barangan, rasuah dan perniagaan yang tidak patuh syariah yang membawa kepada kemudharatan. Perniagaan yang tidak patuh syariah juga termasuk harta yang dimiliki melalui perantaraan yang dilarang dalam syariah (Majlis Agama Islam Selangor [MAIS], t.th.).

Islam menggariskan beberapa kaedah untuk memastikan kejelasan dan ketelusan dalam urusan harta, antaranya melalui penggunaan dokumentasi, saksi dan penulisan. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang unsur penipuan dan perbalahan (PMWP, 2019b). Firman Allah SWT pada surah al-Baqarah ayat 282:

﴿ لِيُهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَلَّيْتُمْ بِيَدَيْنِ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ... ۙ ﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu...

Firman Allah SWT yang telah memerintahkan bahawa perlu ada saksi ketika akad jual beli pada surah al-Baqarah ayat 282:

﴿ ... وَأَشْهَدُوا إِذَا بَلَغْتُمْ ۙ ... ﴾

Maksudnya:

... dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli...

Di samping itu, perkara yang akan membawa kepada pertikaian juga adalah kontrak yang berlaku secara tidak jelas. Kontrak tidak jelas dikenali sebagai kontrak *majhūl* yang terjadi apabila nilai atau sifat harta tidak dapat dikenal pasti dengan jelas. Syariah melarang ketidakjelasan apabila ketidakjelasan tersebut berlebihan (*majhūl fāḥish*) dalam urusan harta. Salah satu aspek penting dalam menentukan sama ada sesuatu kontrak itu tergolong dalam kategori *majhūl* adalah berlandaskan adat (*uruf*) (Al-Zuhaylī, 1985). Selain itu, perkara yang halal dalam syariah mestilah sesuatu yang jelas terhadap halalnya dan perkara yang haram itu mestilah sesuatu yang jelas terhadap haramnya, jika halalnya atau haramnya tidak jelas maka ia akan menjadi syubhah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Nu'mān bin Bashīr RA:

إِنَّ الْحَالَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَإِنَّ بَيْنَ ذَلِكَ أُمُورًا مُشْتَبِهَاتٌ

[al-Nasā'ī, *Kitāb al-Ashribah, Bāb al-Ḥathth 'alā Tark al-Shubuhāt*, nombor hadis 5710, *Ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

“Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas, dan sesungguhnya di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah.”

Hadis di atas menunjukkan bahawa jika perkara halal dan haram tidak dapat dibuktikan dengan jelas oleh dalil Syarak, maka perkara tersebut akan menjadi syubhah. Terdapat empat pandangan berkaitan dengan perkara syubhah sama ada boleh diamalkan atau tidak, namun pendapat yang lebih sahih (*asaḥ*) mengikut Imam Nawawī adalah tidak menghukumkan dengan halal, tidak menghukumkan dengan haram, tidak menghukumkan dengan harus dan tidak menghukumkan dengan yang lain kerana hukum Syarak tidak akan ditetapkan melainkan dengan dalil yang sabit (Al-Nawawī, 1994). Kesimpulannya, konsep jelas (*al-wuḍūḥ*) ini adalah suatu bahagian yang menunjukkan syariah menolak segala jenis ketidakpastian atau keraguan di dalam urusan apa jua termasuk harta.

iii. Bukti pemilikan

Bukti kepemilikan adalah penentuan hak milik harta dalam syariah dilakukan dengan tujuan memastikan pemilik harta menerima haknya secara sah dan bebas daripada unsur-unsur yang mendatangkan risiko dan pertikaian (Ibn 'Ashūr, 2011). *Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia (2006)* mengeluarkan pernyataan bahawa pembuktian hak milik juga boleh dilakukan melalui dokumen elektronik yang diiktiraf oleh kerajaan. Pembuktian hak milik melalui dokumen elektronik juga sah untuk diguna pakai pada peringkat mahkamah (Yahya, Shariff, Rashid & Hashim, 2020).

Selain daripada pembuktian pemilikan dokumen, Islam juga mensyariatkan pembuktian pemilikan melalui saksi. Islam telah menjadikan saksi sebagai satu perkara yang penting untuk membuktikan kebenaran (Al-Shibili, Saleh & Zakaria, 2019). Firman Allah SWT pada surah al-Baqarah ayat 282:

﴿... وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُورِجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأٌ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ ... ٢٨٢﴾

Maksudnya:

... Dan adakanlah saksi-saksi (dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan) daripada orang-orang kamu yang adil jika tidak ada dua lelaki maka seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada mereka yang kamu reda...

Surah al-Baqarah ayat 282 di atas merupakan perintah Allah SWT untuk menetapkan saksi dalam segala selain daripada perintah untuk menulis bukti pemilikan dalam masalah hutang serta disyaratkan ke atas saksi adalah daripada golongan yang adil (Ibn Kathīr, 1998). Selain al-Quran, kepentingan bukti dalam Islam juga disebutkan oleh Nabi SAW diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amrū RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي خُطْبَتِهِ لِلنَّبِيِّتَّةِ عَلَى الْمُدْعِي وَالْيَمِينُ عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ

[al-Tirmidhī, *Abwāb al-Aḥkām 'an Rasūl Allāh, Bāb al-Bayyinah 'alā al-Mudda'ī wa al-Yamīn 'alā al-Mudda'ā 'Alayh*, nombor hadis 1261, *Ṣaḥīḥ*]

﴿لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا لِبَيِّنَاتٍ وَلَنَزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ لِقِسْطٍ وَلَنَزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ شَسٌّ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ
مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ لَعَلَّ إِنَّا قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas dan Kami turunkan bersama mereka kitab dan timbangan supaya manusia dapat berlaku dengan adil, dan Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandung kekuatan yang besar serta banyak manfaat bagi manusia, dan supaya Allah SWT mengetahui siapa yang menolong agama-Nya dan rasul-rasul-Nya walaupun mereka tidak melihat-Nya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuat lagi Maha Kuasa.

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT menurunkan wahyu dan memutuskan para rasul agar manusia dapat menegakkan keadilan dengan mengerjakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan (Ibn Kathīr, 1998). Selain itu, keadilan yang ditekankan dalam al-Quran adalah berfungsi sebagai asas untuk mempromosikan kesaksamaan dan keadilan dalam semua aspek kehidupan termasuk penggubal undang-undang dan sebagainya (Jaiyeoba, Ushama & Amuda, 2024).

v. Pemeliharaan harta (*Hifz Al-Māl*)

Pemeliharaan harta merujuk kepada pemeliharaan harta umum dan harta peribadi agar tidak disalahgunakan atau diurus secara tidak adil. Pemeliharaan harta menurut maqasid syariah pula adalah merujuk kepada menjaga kemaslahatan dan menolak segala kerosakan (Ibn 'Āshūr, 2011). Masalah bermaksud memperolehi kemanfaatan dan menolak kemudaratan (Ibn Qudāmah, 2022). Maksud mendapat manfaat adalah mendapat kesenangan atau apa sahaja yang akan membawa kepada kesenangan (Al-Shawkānī, 2000).

Masalah juga adalah perkara yang bertentangan dengan mafsadah (kerosakan). Dalam konteks ini, hakikat masalah ialah segala bentuk kenikmatan dan kesenangan sama ada secara jasmani, emosi, akal atau rohani. Manakala hakikat mafsadah pula ialah segala bentuk kesakitan dan penderitaan sama ada secara jasmani, emosi, akal atau rohani (Al-Raysūnī, 1992). Masalah juga merupakan manfaat. Manfaat yang dimaksudkan oleh syariah kepada hamba Allah SWT adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mengikut susunan tertentu antara satu sama lain (Al-Būṭī, 2009). Segala sesuatu yang termasuk dalam pemeliharaan lima asas ini adalah masalah dan segala sesuatu yang memudaratkan lima asas ini adalah kerosakan (Al-Ghazālī, 1993).

Kesimpulannya, masalah adalah kemanfaatan dan kebaikan yang menjaga lima asas utama dalam kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tujuan syariah adalah untuk memastikan perkara-perkara ini dijaga dan dilindungi daripada segala bentuk kerosakan yang boleh merosakkan asas-asas tersebut. Manakala mafsadah adalah tindakan atau perkara yang bertentangan dengan masalah yang membawa kepada kemudaratan atau kerosakan kepada umat dan kehidupan secara keseluruhan.

3.2 Bitcoin

Bitcoin adalah sistem wang tunai elektronik yang membolehkan pengguna melakukan transaksi secara langsung antara satu sama lain tanpa memerlukan pihak ketiga seperti bank atau institusi kewangan yang. Direka dengan menggunakan teknologi Blockchain, sistem Blockchain akan memastikan ketelusan dan keselamatan transaksi serta menghindarkan masalah perbelanjaan berganda (Nakamoto, t.th.). Blockchain juga merekodkan segala transaksi yang tidak boleh diubah oleh mana-mana pihak (Böhme et al., 2015). Sistem Bitcoin ini juga dikenali sebagai sistem desentralisasi dan pengesanan dilakukan oleh perlombongan yang menggunakan kaedah penyelesaian masalah matematik (Dwyer, 2015). Pengguna Bitcoin tidak perlu untuk mendedahkan maklumat mengenai jumlah yang mereka miliki dan tujuan asal penciptaan Bitcoin adalah untuk meniru ciri-ciri wang fiat serta sistem pembayaran yang telah wujud sebelumnya (Ali, Barrdear, Clews & Southgate, 2014).

Seterusnya, terdapat perbezaan antara Bitcoin dan wang fiat. Jadual 2 menerangkan tentang perbezaan antara Bitcoin dan wang fiat (BNM, 2021).

Jadual 2
Perbezaan antara Bitcoin dengan Wang Fiat

Fungsi	Mata wang kripto	Wang tradisional
Instrumen	Bitcoin	Mata wang dan duit Syiling ban
Penyimpanan nilai	Nilainya tiada sokongan formal dan bergantung kepada kuasa pasaran	Nilai disokong oleh badan berdaulat (contoh: Kerajaan dan bank pusat)
Medium pertukaran	Tidak digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran berikutan pelbagai Batasan (contoh: Turun naik harga yang tinggi, mudah terdedah kepada ancaman siber, isu penskalaan)	Digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran
Unit akaun	Tidak digunakan secara meluas untuk penetapan harga barangan dan perkhidmatan	Digunakan secara meluas untuk penetapan harga barangan dan perkhidmatan

Sumber: BNM (2021)

Walaupun Bitcoin pada asalnya diciptakan sebagai mata wang, namun Bitcoin sering digunakan sebagai instrumen pelaburan (Wartoyo & Septian, 2022). Hal ini adalah kerana pelaburan Bitcoin adalah satu pelaburan yang dapat memberi keuntungan dengan mudah kepada pelabur (Faris, 2024).

3.2.1 Pelaburan Bitcoin

Pelaburan merupakan instrumen kewangan penting dalam menjana kekayaan. Dalam Islam, pelaburan syariah merujuk kepada pelaburan yang mematuhi prinsip-prinsip syariah. Prinsip pertama adalah halal, iaitu pelaburan mesti dilakukan dalam sektor yang tidak mengandungi unsur haram atau meragukan. Prinsip kedua adalah berkah, iaitu keuntungan yang diperolehi bukan sahaja memberi manfaat terhadap harta tetapi perlu ada elemen spiritual seperti keberkatan. Prinsip ketiga adalah berkembang, iaitu tujuan pelaburan mestilah untuk meningkatkan kekayaan serta mematuhi etika Islam dan keadilan. Prinsip keempat adalah memberi manfaat kepada masyarakat, iaitu pelaburan harus memberi kesan positif kepada masyarakat dan ekonomi. Prinsip kelima adalah pengurusan risiko, iaitu pelaburan yang dapat mengurus risiko dengan baik kerana Islam menekankan kepentingan mengurangkan ketidakpastian dan spekulasi yang berlebihan (Muhammad, 2020).

Seterusnya, pelaburan Bitcoin dilakukan dengan pertukaran Bitcoin dengan mata wang fiat. Pertukaran Bitcoin dilakukan melalui platform penukaran mata wang kripto di mana pengguna boleh membeli dan menjual Bitcoin. Platform ini berpotensi sebagai perantara antara penjual dan pembeli Bitcoin. Untuk membeli Bitcoin, pembeli perlu mendaftar akaun, membuat deposit dengan wang fiat kemudian membeli Bitcoin dan menyimpannya di dompet digital yang disediakan oleh platform perkhidmatan pertukaran mata wang kripto (Garnett, 2025; Tipawael, 2023). Dalam pelaburan Bitcoin, terdapat beberapa strategi yang digunakan oleh pelabur iaitu pelaburan sehari, pelaburan turun naik harga, pelaburan jangka panjang dan pelaburan mengharapkan keuntungan kecil tapi kerap (Maheshwari, 2023). Selain itu, al-Quran juga menekankan kejujuran dan kebenaran dalam setiap amalan perniagaan. Dengan menekankan kejujuran dan kebenaran, perniagaan dapat mewujudkan budaya akauntabiliti yang memastikan keputusan dan tindakan dipandu oleh integrity (Jaiyeoba et al., 2024). Oleh itu, pelaburan Bitcoin mesti memenuhi prinsip-prinsip syariah supaya ia menepati konsep pemeliharaan dalam maqasid syariah.

3.2.2 Manfaat dan kemudaran pelaburan Bitcoin

Pelaburan Bitcoin mempunyai beberapa manfaat untuk pelabur. Antara manfaat dalam pelaburan Bitcoin adalah berpotensi untuk memperoleh keuntungan yang tinggi. Perkara ini dapat dibuktikan daripada mulanya Bitcoin bernilai hanya beberapa sen namun harganya melonjak hingga hampir 20,000 USD untuk 1 BTC pada tahun 2017 (Bogdankovich, 2024). Pelaburan Bitcoin juga memberi manfaat kepada pelabur untuk memanfaatkan keuntungan daripada kenaikan harga Bitcoin yang tidak tergantung kepada aset tertentu atau seperti pelaburan tradisional, hal ini kerana ketiadaan nilai sandaran dalam sistem Bitcoin menyebabkan harga Bitcoin bergantung kepada permintaan dan penawaran semata-mata (Rani & Salleh, 2019). Ia berbeza dengan kenaikan harga pelaburan tradisional seperti saham, di mana harga dipengaruhi oleh faktor ekonomi, politik, sentimen pasaran, perubahan kadar faedah dan pelbagai faktor lain (Maulan, 2021).

Pelaburan Bitcoin juga boleh dilakukan tanpa sempadan geografi, membolehkan individu dari seluruh dunia terlibat dalam transaksi tersebut. Ia juga memberikan kebebasan untuk melaksanakan pelaburan pada bila-bila masa tanpa terikat oleh waktu pejabat atau waktu pasaran, menjadikan yang lebih fleksibel berbanding dengan pelaburan tradisional. Hal ini berlaku kerana pengoperasian pelaburan Bitcoin berlaku tanpa pengawalan daripada pihak tertentu (Ashraf et al., 2022). Selain itu, bekalan Bitcoin adalah terhad dan pelaburan Bitcoin

mempunyai keselamatan yang tinggi kerana sistem Bitcoin menggunakan teknologi Blockchain. Teknologi ini juga menyelamatkan daripada pemalsuan Bitcoin dan menjimatkan kos transaksi serta merekodkan segala transaksi yang berlaku dalam pelaburan Bitcoin (Wartoyo & Septian, 2022).

Walau bagaimanapun, pelaburan Bitcoin juga mempunyai beberapa kemudaran. Antara kemudaran pelaburan Bitcoin pula, walaupun pelaburan Bitcoin dapat menghasilkan keuntungan yang tinggi, pelaburan Bitcoin juga dapat menghasilkan kerugian yang besar. Sebagai contoh, harga Bitcoin jatuh selepas sebulan meningkat pada tahun 2017 (Ludwianto, 2023). Kenaikan dan penurunan harga Bitcoin yang tidak menentu menunjukkan volatiliti harga Bitcoin terlalu ekstrem dan boleh menyebabkan wujudnya unsur spekulasi yang menyerupai perjudian (Rani & Salleh, 2019). Nilai sandaran Bitcoin yang bergantung hanya kepada permintaan dan bekalan pasaran juga menyebabkan pelabur Bitcoin perlu bersedia untuk memperoleh kerugian jika tiada pengiktirafan lagi dalam kalangan pelabur (Huda, 2021).

Selain daripada volatiliti harga Bitcoin boleh menyebabkan wujudnya unsur perjudian, ketiadaan nilai sandaran Bitcoin juga menyebabkan Bitcoin mirip menyerupai alat perjudian dan tidak sesuai untuk dijadikan alat pelaburan (Chunpongtong, 2021). Walaupun Bitcoin menggunakan sistem Blockchain yang selamat tanpa melalui institusi kewangan, menyebabkan pelabur perlu menanggung risiko keselamatan sendiri seperti ancaman siber (BNM, 2022). Pelaburan Bitcoin turut berdepan dengan pelbagai risiko keselamatan, termasuk pencurian dan penipuan pelaburan (Halid, 2024). Penipuan dalam pelaburan mata wang kripto semakin berleluasa disebabkan oleh kurangnya pemahaman pelabur terhadap teknologi di sebalik Bitcoin (Majlis Keselamatan Negara, 2024). Selain itu, pihak berkuasa juga sukar untuk mengatasi penipuan pelaburan Bitcoin, ini berpunca daripada ketiadaan undang-undang khusus yang boleh dijadikan sebagai rujukan serta sifat Bitcoin yang sukar untuk dikawal selia dari segi keselamatan (Kaur, 2021).

Ketiadaan undang-undang khusus juga menyebabkan sistem pengawalan yang tidak jelas. Selain itu, kos untuk mendapatkan Bitcoin juga terlalu tinggi dan mudah disalahguna untuk jenayah (Wartoyo & Septian, 2022). Dari segi pemalsuan, Bitcoin sukar untuk dipalsukan seperti mana yang berlaku dalam wang fiat kerana Bitcoin merupakan kod kriptografi yang disusun dan disimpan dalam akaun setiap pemilik bahkan Bitcoin tidak mempunyai bentuk fizikal untuk dipalsukan (Barone & Masciandaro, 2019). Ketiadaan bentuk fizikal dan hanya beroperasi dalam dunia digital juga dikatakan pelaburan Bitcoin berasaskan *gharar* yang dilarang dalam Islam (Rani & Salleh, 2019).

4. PERBINCANGAN

Analisis dapatan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan sama ada Bitcoin memenuhi ciri-ciri harta seperti yang dihuraikan oleh para *fuqahā'* dan sarjana kontemporari. Perbincangan ini adalah satu bahagian yang penting dalam menentukan kedudukan Bitcoin mengikut kerangka hukum Islam. Bahagian kedua pula menilai kesesuaian Bitcoin dengan konsep harta berdasarkan perspektif maqasid syariah. Analisis ini melibatkan penilaian terhadap peranan Bitcoin dalam pemeliharaan harta, kestabilan nilai Bitcoin, risiko pelaburan Bitcoin dan pelaburan berasaskan spekulasi serta implikasinya terhadap kemaslahatan individu dan masyarakat. Penilaian ini membantu untuk memahami sama ada pelaburan Bitcoin selari dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan keadilan dan perlindungan harta daripada unsur-unsur yang membawa kepada kemudaran.

4.1 Bitcoin dan Harta

Sepertimana yang telah dibincangkan di bahagian definisi harta menurut *fuqahā' ḥanafiyah*, *jumhur fuqahā'* dan sarjana kontemporari, walaupun terdapat perbezaan namun ketiga-tiga pendapat menekankan empat aspek yang perlu ada pada harta iaitu boleh dimiliki, manfaat dari segi syariah, manfaat dari segi *'uruf*, pengawalan dan perlindungan.

Aspek pertama iaitu boleh dimiliki, Bitcoin secara umumnya adalah satu aset digital yang boleh dimiliki dengan syarat pelabur mestilah mempunyai dompet digital, internet dan mata wang fiat untuk deposit dan ditukar dengan Bitcoin. Pemilikan Bitcoin tiada dalam bentuk fizikal dan tidak boleh disentuh kerana Bitcoin hanya beroperasi dalam dunia digital sahaja namun mata wang yang didepositkan ada pada dunia yang nyata (Garnett, 2025). Bitcoin juga merupakan sejenis aset digital yang boleh dimiliki oleh individu atau organisasi tertentu (Wijaya, 2019).

Aspek kedua adalah dari segi manfaat mengikut syariah. Berdasarkan perbincangan tentang manfaat dan kemudaran Bitcoin menunjukkan pelaburan Bitcoin mempunyai manfaat yang dibenarkan oleh syariah

seperti mendapatkan keuntungan dalam pelaburan atau perniagaan adalah dibenarkan selagi mana tidak membawa kepada penindasan dan kezaliman (PMWP, 2018b). Keuntungan dalam pelaburan Bitcoin merupakan satu kaedah untuk memperkembangkan harta jika pelabur menggunakan strategi pelaburan Bitcoin seperti *buy and hold*. Dengan strategi ini, pelabur mempercayai bahawa harga Bitcoin akan meningkat jika mereka menyimpan Bitcoin dengan tempoh jangka masa yang panjang. Walaupun turun naik harga Bitcoin yang tinggi, sejarah telah menunjukkan bahawa strategi ini dapat membantu pelabur daripada kerugian yang besar jika mereka tidak menjual Bitcoin ketika harga turun (Chen, 2023). Selain itu, Jadual 3 di bawah menerangkan bagaimana strategi ini boleh menyelamatkan pelabur daripada kerugian setelah menganalisis harga Bitcoin dari tahun 2017 hingga 2024.

Jadual 3
Harga Bitcoin Dari Tahun 2017 Hingga 2024

Tahun	Harga Tertinggi Bitcoin	Penurunan Harga Bitcoin	Pemulihan Harga dan Kesan Penggunaan Strategi <i>Buy and Hold</i>
2017	20,000 USD	Turun di bawah 4,000 USD pada tahun 2018	Pelabur mengalami kerugian sementara
2020-2021	Melebihi 60,000 USD	Turun selepas kenaikan harga yang tinggi	Pelabur yang menyimpan Bitcoin daripada tahun 2017 mendapat keuntungan yang besar
2024	Melebihi 100,000 USD (sebelum harga turun)	Penurunan harga sementara akibat faktor makroekonomi	Walaupun berlaku penurunan harga, namun pelabur masih tidak mengalami kerugian secara hakiki jika mereka masih menyimpan Bitcoin

Sumber: Hariyanto (2024).

Pelaburan Bitcoin secara umumnya melibatkan risiko yang sangat tinggi terhadap wang pelabur. Setiap pelabur Bitcoin harus bersedia untuk kehilangan semua wang mereka (Financial Conduct Authority, 2021). Risiko yang sangat tinggi dalam pelaburan Bitcoin ini boleh menjadi satu kemudaratan kepada pelabur kerana akan membawa kepada kerugian (Kurniawan, Purbowisanti & Amsy, 2023). Dalam konteks kerugian dan keuntungan, terdapat kaedah fiqah seperti (Muhammad, 2003):

العُرمُ لغُرم

“Risiko kerugian sejajar dengan keuntungan.”

Kaedah ini merujuk kepada pelabur dan pengusaha perlu bersedia untuk kerugian bersama keuntungan (Muhammad, 2003). Namun, pelaburan tidak boleh ditanggung risiko dan kerugian oleh sebelah pihak kerana ia bertentangan dalam konsep pelaburan yang diterapkan dalam Islam (PMWP, 2021). Kerugian sebelah pihak dalam pelaburan Bitcoin berlaku kerana beberapa faktor, antaranya adalah pelaburan hanya berlaku dalam platform penukaran dan tidak dapat diketahui dengan siapa pelabur menjual dan membeli Bitcoin kerana identiti pelabur tidak didedahkan antara satu sama lain; pelaburan Bitcoin juga tidak menyediakan mekanisme untuk dirujuk semula jika berlaku kesilapan kerana keterhadan undang-undang sedia ada dan teknologi Blockchain (Kurniawan et al., 2023). Namun, dalam konteks pelaburan Bitcoin, risiko utama adalah ketidakstabilan harga dan spekulasi yang berlebihan. Harga Bitcoin mengalami turun naik yang sangat ketara sehingga boleh menyebabkan pelabur terdedah kepada kerugian yang sangat besar dalam tempoh yang singkat (Sholihah & Yazid, 2023).

Aspek ketiga adalah manfaat dari segi *uruf*. Tidak dapat dinafikan bahawa pelaburan Bitcoin memberi manfaat kepada *uruf*, namun bukan *uruf* masyarakat umum. Hanya *uruf* pihak tertentu sahaja yang menerima pelaburan Bitcoin. Hal ini kerana pelaburan Bitcoin berbeza dengan pelaburan aset tradisional kerana aset tradisional didasari oleh aset sebenar bukan semata-mata bergantung kepada permintaan dan penerimaan. Selain itu, deposit yang semakin meningkat dalam pelaburan Bitcoin juga boleh menimbulkan risiko makro kewangan yang boleh menjejaskan sistem kewangan dan ekonomi kerana mendeposit mata wang dalam pelaburan Bitcoin boleh menyebabkan peralihan deposit ke atas bank berkurangan (BNM, 2021).

Aspek keempat adalah pengawalan dan perlindungan, pelaburan Bitcoin juga tidak mempunyai undang-undang perlindungan dan keselamatan ke atas pelabur kecuali undang-undang perubahan wang haram dan beberapa platform penukaran mata wang kripto yang dikawal selia oleh SC untuk pemantauan. Pelaburan Bitcoin membuka ruang untuk penjenayah siber membuat penipuan melalui pelaburan Bitcoin. Ia juga membuka peluang kepada pemberi rasuah kerana transaksinya sukar untuk dikesan sehingga (Hassan, 2022). Seterusnya, ketiadaan undang-undang kawal selia yang komprehensif juga menyebabkan pelaburan Bitcoin lebih berfungsi sebagai aset spekulatif dan bukannya satu mata wang (BNM, 2021).

Perkara ini menyebabkan beberapa pengkaji mengatakan Bitcoin menyerupai perjudian kerana kesan daripada Bitcoin dilihat sebagai aset spekulatif. Aset spekulatif adalah aset yang mana nilainya tidak menentu dan berubah-ubah dan bergantung kepada jangkaan atau spekulasi pasaran bukan kerana nilai asas. Pelaburan ke atas aset spekulatif adalah pelaburan yang berasaskan harapan nilai akan meningkat (James, 2023). Ketiadaan undang-undang perlindungan ke atas pelaburan Bitcoin juga membuka ruang untuk penjenayah menjalankan aktiviti-aktiviti haram dengan menggunakan pelaburan Bitcoin sebagai promosi untuk menarik mangsa seperti mana yang berlaku secara meluas masa kini (Majlis Keselamatan Negara, 2024). Kemudahan yang berkaitan dengan risiko pelaburan Bitcoin seperti penanggungungan risiko kerugian yang terlalu tinggi, ketiadaan undang-undang perlindungan khusus dan spekulasi yang terlalu tinggi sehingga menyerupai perjudian menjejaskan harta serta bertentangan dalam maqasid syariah yang menekankan pemeliharaan dan perlindungan (Sholihah & Yazid, 2023). Kesimpulannya, Bitcoin boleh dikatakan sejenis harta digital yang boleh mendatangkan manfaat dan kemudahan.

4.2 Bitcoin dan Konsep Harta Menurut Perspektif Maqasid Syariah

Dalam maqasid syariah, terdapat lima elemen utama yang perlu ada pada harta (Ibn 'Ashūr, 2011). Elemen pertama adalah peredaran. Dalam konteks pelaburan, pelaburan merupakan pengedaran wang atau modal untuk memperoleh instrumen kewangan atau aset lain dengan matlamat mendapatkan keuntungan sama ada melalui bayaran faedah, pendapatan atau peningkatan nilai harta tertentu (Jabatan Digital Negara, t.th.). Peredaran dan perkembangan harta mestilah tidak melanggar larangan utama dalam syariah iaitu riba, ketidakpastian dan perjudian (Siddiq, 2017). Selain itu, peredaran dan perkembangan harta juga boleh dilakukan melalui sedekah, wakaf dan kewajipan mengeluarkan zakat (Ibn 'Ashūr, 2011). Daripada pernyataan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa peredaran dan perkembangan harta melalui pelaburan Bitcoin mestilah berlandaskan syariah dan tidak melanggar perkara yang dilarang dalam syariah.

Elemen kedua adalah jelas (*al-wudūh*) yang perlu ada pada harta (Ibn 'Ashūr, 2011). Asas pengedaran harta mestilah berasaskan asas yang jelas dan bukan berasaskan perkara yang tidak jelas (*majhūl*) yang bertentangan dengan kerana ada unsur *gharar* (Nurhendi, 2024). Islam telah menetapkan empat rukun dalam konsep jual beli iaitu ada penjual, ada pembeli, ada objek yang dibeli dan ada *ṣiḡḡah iijāb* dan *qabūl* (lafaz penawaran dan penerimaan). Islam juga menetapkan beberapa syarat terhadap objek yang dijual dan dibeli. Antara salah satu daripadanya adalah *mutaqawwim* (bernilai) di sisi syariah (Al-Zuhayli, 1985). Harta *mutaqawwim* mestilah merupakan harta yang mempunyai nilai dan perlu membayar ganti rugi jika berlaku pencerobohan ke atasnya. Nilai ganti rugi juga mestilah ditetapkan oleh undang-undang ('Abd al-Majid, 1987). Dalam pelaburan Bitcoin, keterhadan undang-undang perlindungan terhadap pelabur masih lagi tidak jelas kerana kesukaran sistem Bitcoin untuk dikawal selia sepenuhnya oleh kerajaan atau negara (Faris, 2024).

Elemen ketiga adalah adil (Ibn 'Ashūr, 2011). Pelaburan dalam mestilah berprinsipkan keadilan seperti yang telah ditetapkan oleh syariah. Prinsip keadilan ini ditetapkan untuk mengatasi kezaliman yang berlaku mahupun kepada pelabur, masyarakat termasuk negara (Nurhendi, 2024). Firman Allah SWT pada surah al-Baqarah ayat 195:

﴿وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ رَبَّكَ الْمُحْسِنِينَ ۝ ١٩٥﴾

Maksudnya:

Dan belanjakanlah pada jalan (agama) Allah SWT, dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu dengan tangan-tangan kamu ke arah kebinasaan dan baikilah perbuatan kamu, sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Maksud ayat di atas adalah perintah untuk berinfak di jalan Allah SWT dalam segala bentuk kebaikan dan ketaatan, khususnya membelanjakan harta untuk memerangi musuh serta memperkuat kedudukan umat Islam dalam menghadapi musuh mereka. Allah SWT memberitahu bahawa meninggalkan perbuatan sedemikian akan membawa kepada kebinasaan dan kehancuran (Ibn Kahtir, 1998). Daripada perbincangan elemen ketiga ini, maka dapat disimpulkan bahawa pelaburan Bitcoin mestilah berprinsipkan keadilan.

Elemen keempat adalah bukti pemilikan, pelaburan Bitcoin juga mestilah jelas dari segi bukti kepemilikan. Kejelasan terhadap pemilikan Bitcoin diperlukan untuk mengelakkan berlakunya pencerobohan terhadap pelabur dan masyarakat. Bukti pemilikan ini juga akan membantu pemilik Bitcoin mengeluarkan zakat, namun kadar pengiraan jumlah zakat yang diwajibkan terlalu sukar untuk dikira disebabkan perubahan harga Bitcoin yang tidak tetap. Hal ini boleh dilihat kerana Bitcoin tidak dikirakan sebagai satu alat pengukur nilai yang baik kerana volatiliti harga Bitcoin yang ekstrem menyebabkan berlaku tambahan kos secara langsung atau

tidak langsung. Perubahan harga yang terlalu pantas menyebabkan pelabur perlu mengira setiap hari terhadap nilai sebenar yang mereka miliki untuk dibandingkan dengan mata wang fiat (Rani & Salleh, 2019). Selain itu, pelaburan Bitcoin juga membuka ruang untuk pelabur Bitcoin menjalankan aktiviti rasuah kerana setelah wang fiat didepositkan ke bentuk Bitcoin sukar untuk pihak berkuasa membuat semakan (Hassan, 2022).

Kelima adalah menjaga harta, pelaburan Bitcoin berasaskan masalah dan menghindari mafsadah sama ada kepada pelabur, masyarakat atau negara. Berdasarkan perbincangan mengenai masalah dan kemudaratan Bitcoin di atas menunjukkan pelaburan Bitcoin mempunyai masalah dan kemudaratan. Walau bagaimanapun, masalah dalam maqasid syariah terbahagi kepada beberapa kategori berdasarkan kebolehannya untuk dipertimbangkan dan diamalkan dalam hukum syariah. Pertama masalah *mu'tabarāh*, iaitu kemaslahatan yang diiktiraf oleh syariah dan boleh dijadikan asas dalam penetapan hukum. Kedua masalah *mulghāh*, iaitu masalah yang ditolak oleh syariah dan tidak boleh dijadikan hujah dalam menentukan hukum. Contohnya, keuntungan daripada jual beli yang tidak sah menurut syariah atau manfaat daripada riba yang jelas tentang pengharamannya. Ketiga, masalah *mursalāh*, iaitu kemaslahatan yang tidak disebut secara khusus dalam nas syariah sama ada diterima atau ditolak (Al-Ghazālī, 1993).

Konsep masalah ini seiring dengan hadis Nu'man bin Basyir yang menjelaskan bahawa perkara yang halal dan haram itu jelas, manakala di antara halal dan haram terdapat perkara syubhah yang tidak jelas statusnya. Dalam hal ini, Imam Nawawi menjelaskan bahawa untuk beramal dengan perkara syubhah, perlu menilai kekuatan dalil yang menyokongnya sama ada cenderung kepada halal atau haram (Al-Nawawī, 1994). Berdasarkan prinsip ini, kemaslahatan dalam pelaburan Bitcoin boleh diklasifikasikan kepada masalah *mu'tabarāh* dan masalah *mulghāh* bergantung kepada sejauh mana ia memenuhi kehendak syariah. Masalah *mu'tabarāh* merujuk kepada kepentingan dalam pelaburan Bitcoin yang diiktiraf oleh syariah. Manakala masalah *mulghāh* merujuk kepada kepentingan yang ditolak dalam pelaburan Bitcoin kerana bercanggah dengan prinsip syariah. Pelaburan Bitcoin berkait rapat dengan aspek pemilikan harta yang merupakan elemen penting dalam maqasid syariah. Maqasid syariah menekankan kepentingan menjaga harta daripada segala bentuk kezaliman seperti penipuan, ketidakadilan dalam transaksi dan eksploitasi. Oleh itu, pemeliharaan al-mal termasuk dalam kategori *darūriyyāt*, iaitu satu keperluan asas yang mesti dipelihara (Al-Ghazālī, 1993; Al-Būṭī, 2009). Dalam kaedah fiqh menyebut:

دَرْءُ الْمَفْسَدَةِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصْلَحَةِ

“Menolak kefasadan diutamakan daripada mendapat kemaslahatan.”

Jika berlaku pertentangan di antara keburukan dan kebaikan dalam sesuatu perkara sama ada berkaitan dengan hal agama atau kehidupan di dunia, maka perkara yang perlu diutamakan adalah mengelakkan daripada keburukan dan menolaknya adalah lebih diutamakan daripada mencari kebaikan kerana syariat lebih menitikberatkan ke atas usaha untuk menghindari keburukan yang boleh membawa kepada bahaya dan kesusahan (Al-Suyūṭī, 1983). Selain itu, menahan diri daripada melakukan perkara yang boleh membawa kepada kemaslahatan dan kemudaratan adalah lebih diutamakan seperti mana yang disebut juga dalam kaedah fiqh:

وإذا اشتبه المباح لمحرّم في غير الضّرورة وحب الكفّ عنهما

“Apabila perkara yang harus bercampur dengan perkara yang haram tanpa ada keperluan yang *darūri* (mendesak), maka wajib menahan diri daripada kedua-duanya.”

Berdasarkan kaedah ini, para ulama memberikan contoh bagi keadaan seperti jika seorang lelaki mempunyai seorang wanita yang haram dinikahnya kerana memiliki ibu susuan yang sama, tetapi wanita tersebut berada di sebuah kampung dan dia tidak mengetahui siapa wanita itu secara tepat, maka semua wanita di kampung tersebut menjadi haram dinikahi sehingga dia dapat mengenal pasti siapa wanita yang haram dinikahnya (Rays, 2015). Dalam pelaburan Bitcoin, ulama masih tidak mempunyai perkataan yang sepakat mengenai hukumnya sama ada haram atau halal (Sholihah & Yazid, 2023). Maka dapat disimpulkan bahawa dengan berpandukan kepada kaedah ini adalah lebih selamat untuk tidak melibatkan diri daripada pelaburan Bitcoin sehingga ada pernyataan yang disepakati oleh ulama terhadap statusnya.

5. KESIMPULAN

Pelaburan Bitcoin berpotensi sebagai pelaburan yang memenuhi sebahagian prinsip maqasid syariah dalam konteks pemeliharaan harta, khususnya dalam aspek pengembangan harta. Namun, ia juga menimbulkan cabaran yang boleh menjejaskan prinsip maqasid syariah, terutamanya dari segi perlindungan aset pelabur. Selain itu, pelaburan Bitcoin juga masih terdedah kepada risiko kehilangan modal yang tinggi sama ada disebabkan oleh turun naik harga yang ekstrem, jurang kelemahan sistem keselamatan digital yang sedia ada atau ketidaktentuan perundangan.

Dari sudut kemaslahatan, pelaburan Bitcoin boleh dikategorikan sebagai pelaburan yang mempunyai masalah *mu'tabarah* iaitu masalah yang diiktiraf oleh syariah dan masalah *mulghāh* iaitu masalah yang tidak diiktiraf oleh syariah. Masalah *mu'tabarah* dalam pelaburan Bitcoin merangkumi manfaat Bitcoin sebagai aset digital yang boleh digunakan sebagai satu instrumen mencari keuntungan. Sebaliknya, masalah *mulghāh* berkaitan dengan sifat spekulatif Bitcoin dan ketiadaan undang-undang khusus yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada pelabur yang tidak berhati-hati. Justeru, meskipun Bitcoin menawarkan potensi keuntungan dan pengembangan harta, ia memerlukan kawal selia yang lebih jelas agar pelaburan Bitcoin benar-benar memenuhi objektif pemeliharaan harta tanpa mengorbankan kestabilan dan keselamatan pelabur.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa cadangan yang signifikan dalam pelaburan Bitcoin. Pertama, perlu ada penggubalan undang-undang khusus yang jelas dan komprehensif untuk mengawal selia pelaburan Bitcoin agar dapat meminimumkan risiko seperti penipuan, ketidakpastian dan spekulasi. Kedua, perlu membangunkan mekanisme perlindungan khusus terhadap pelabur untuk menjamin keselamatan pelabur dalam pelaburan Bitcoin. Ketiga, memastikan semua platform pertukaran Bitcoin yang beroperasi mematuhi piawaian dan prinsip syariah melalui audit dan pensijilan oleh pihak berkuasa agama. Keempat, menjalankan kajian lanjut untuk menilai dengan lebih terperinci manfaat dan mudarat pelaburan Bitcoin dari segi ekonomi, sosial dan undang-undang.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang hubungan kewangan atau peribadi yang boleh mempengaruhi secara tidak wajar dalam penulisan artikel ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada Geran Penyelidikan Fakulti yang diperolehi oleh kami selaku penyelidik bersama daripada Akademi Pengajian Islam APIUM, Universiti Malaya dan Studi Hukum Ekonomi Syari'ah (Muamalat), Fakultas Syariah dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas sokongan dan pembiayaan penyelidikan ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis memberikan sumbangan yang signifikan kepada kajian ini. Penulis utama bertanggungjawab dalam merangka objektif kajian, pelaksanaan penyelidikan dan penulisan manuskrip. Penyelidik bersama memainkan peranan penting dalam menyediakan bahan, menganalisis data, menyemak dan menyunting artikel. Semua penulis bersetuju dengan kandungan akhir manuskrip ini.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Majīd, M. (1987). *al-Māl wa al-mulkīyyah fī al-sharī‘ah al-islāmiyyah*. Morocco: Dār al-Maghribī.
- Ajayi, V. O. (2023). A review on primary sources of data and secondary sources of data. *European Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-7. Diperolehi daripada https://www.researchgate.net/publication/370608670_A_Review_on_Primary_Sources_of_Data_and_Secondary_Sources_of_Data.
- Akram, H. (t.th). 4 issues facing cryptocurrency today [Catatan Blog]. Diperolehi daripada <https://www.darwinrecruitment.com/blog/2018/02/big-issuescryptocurrency-today>.
- Ali, R., Barrdear, J., Clews, R., & Southgate, J. (2014). *The economics of digital currencies*. *Bank of England Quarterly Bulletin*, 2014 Q3. Diperolehi daripada <https://www.bankofengland.co.uk/-/media/boe/files/quarterly-bulletin/2014/the-economics-of-digital-currencies.pdf>.
- Alias, M. N., Lubis, M. A., Kamis, M. S., Samsudin, M. A., Omar, A. F., & Mokhtar, A. R. (2018). Maqasid syariah sebagai sandaran hukum menurut mazhab syafie. *ASEAN Comprative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 48-58. Diperolehi daripada https://www.researchgate.net/publication/328136406_MAQASID_SYARIAH_SEBAGAI_SANDARAN_HUKUM_MENURUT_MAZHAB_SYAFIE.
- Anon. (2017). *Mudhawanat aḥkām al-waqf al-fiqhiyyah*. Kuwait: al-Amānah al-‘Āmah lil-Awqāf.
- Ashraf, A. M. H., Marjan, M., Norbik, N. B. I., Muhd Rosydi, M., Abd Rahim, M., Azrul Azlan, I. M., & Shahrul Ridhwan, S. A. (2022). *Mata wang kriptto (cryptocurrency): Satu analisis syarak*. Purtrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Bābartī, A. D. (2007). *Al-‘Ināyah sharḥ al-hidāyah*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baḥūtī, ‘A. (1983). *Kashāf al-qinā‘ ‘an matn al-iqnā‘*. B Beirut, Lebanon: ‘Ālam al-Kutub.
- Bakar, N. A., Rosbi, S. & Kiyotaka, U. (2017). Cryptocurrency framework diagnostics from Islamic finance perspective: A new insight of Bitcoin system transaction. *International Journal of Management Science and Business Administration*, 4(1), 19-28. <http://doi:10.18775/ijmsba.1849-5664-5419.2014.41.1003>.
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Laporan tahunan 2020*. Diperolehi daripada https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_bm_book.pdf.
- Bank Negara Malaysia (2022). *Laporan tahunan 2021*. Diperolehi daripada https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021_bm_book.pdf.
- Barone, R., & Masciandaro, D. (2019). Cryptocurrency or usury? Crime and alternative money laundering techniques. *European Journal of Law and Economics*, 47(2), 233–254. <https://doi.org/10.1007/s10657-019-09667-4>.
- Bogdankovich, A. (2024). Memahami turun naik dalam harga Bitcoin. *Finance Feeds*. Diperolehi daripada <https://financefeeds.com/ms/memahami-turun-naik-harga-bitcoin/>.
- Böhme, R., Christin, N., Edelman, B., & Moore, T. (2015). Bitcoin: economics, technology, and governance. *Journal of Economic Perspectives*, 29(2), 213- 238. <http://doi: 10.1257/jep.29.2.213>.
- Buang, A. H. (t.th). *Mata wang kriptto global pasca Bitcoin*. Diperolehi daripada <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/2/-uncategorised/459-mata-wangkriptto-global-pasca-bitcoin>.

- Al-Būṭī, M. S. R. (2009). *Ḍawābiṭ al-maṣlaḥah fī al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. Beirut, Lebanon: Mu'assasat al-Risālah.
- Chen, Y. (2023). Understanding bitcoin: a case study method to understand market dynamics, strategies, and risks of cryptocurrency. *Advances in Economics, Management and Political Sciences*, 62, 61-68. <https://doi.org/10.54254/2754-1169/62/20231315>.
- Chunpongtong, L. (2021). *Strong warning, tesla spin153 Bitcoin to 1 million to be average dealer of 4.8 hundred thousand. It's not an announcement to buy in the market* [Video File]. Diperolehi daripada https://youtu.be/FJSvICf_Sd8.
- Dwyer, G. P. (2015). The economics of Bitcoin and similar private digital currencies. *Journal of Financial Stability*, 17, 81-91. <https://doi.org/10.1016/j.jfs.2014.11.006>.
- Faris, A. (2024). Pelaburan kripto berjudi atau penyimpanan nilai. *Malaysia Kini*. Diperolehi daripada <https://www.malaysiakini.com/news/702668>.
- Financial Conduct Authority. (2021). FCA warns consumers of the risks of investments advertising high returns based on cryptoassets. Diperolehi daripada https://www.fca.org.uk/news/news-stories/fca-warns-consumers-risks-investments-advertising-high-returns-based-cryptoassets?utm_source=chatgpt.com.
- Garnett, A. G. (2025). Cryptocurrency exchanges: where to buy and sell Bitcoin and other digital assets. *Encyclopedia Britannica*. Diperolehi daripada <https://www.britannica.com/money/top-crypto-exchanges>.
- Al-Ghazālī, A. H. M. (1993). *Al-Mustaṣfā*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ḥammād, N. (2001). *Qadāyā fiqhiyyah mu'āṣirah fī al-māl wa al-iqtisād*. Damsyik, Syria: Dār al-Qalam.
- Halid, S. (2024). Lebih 200 mangsa penipuan skim pelaburan kripto minta bantuan MHO. *Berita Harian Online*. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1234640/lebih-200-mangsa-penipuan-skim-pelaburan-kripto-minta-bantuan-mho>.
- Hassan, M. S. (2022). Rasuah guna kripto paling susah nak kanto. *Harian Metro*. Diperolehi daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/10/895038/rasuah-guna-kripto-paling-susah-nak-kanto>.
- Hariyanto. (2024). *Bagaimana perjalanan harga Bitcoin dari tahun ke tahun*. Diperolehi daripada <https://alpha.ajalb.co.id/harga-bitcoin-dari-tahun-ke-tahun/>.
- Harvey, C. R., Abou Zeid, T., Draaisma, T., Luk, M., Neville, H., Rzym, A., & Hemert, O. V. (2022). An investor's guide to crypto. *Social Science Research Network*. Diperolehi daripada <https://ssrn.com/abstract=4124576>.
- Huda, K. (2021). Bank of England: "Cryptocurrency" tidak memiliki nilai instrinsik. *Koran Jakarta*. Diperolehi daripada <https://koran-jakarta.com/bank-of-englandcryptocurrency-tidak-memiliki-nilai-intrinsik?page=al>.
- Ḥusayn, A. F. (1985). *Al-Mulkīyyah wa naẓariyyat al-'aqd fī al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. Iskandariah, Mesir: Dār al-Jāmi'iyyah.
- Ibn 'Ābidīn, M. A. (1966). *Radd al-muḥtār 'alā al-durr al-mukhtār*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr.
- Ibn 'Āshūr, M. T. (2011). *Maqāṣid al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-Lubnānī.
- Ibn Athīr, A. I. D. (1979). *Al-Nihāyah fī gharīb al-ḥadīth wa al-athar*. Beirut, Lebanon: Maktabat al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr, I. U. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Manẓūr, M. M. (1994). *Lisān al-‘Arab*. Beirut, Lebanon: Dar al-Sader.
- Ibn al-Najjār, M. D. (1999). *Muntahā al-‘Irādāt*. Beirut, Lebanon: Mu’assasat al-Risālah.
- Ibn Qudāmah, M. A. (2022). *Rawdat al-Nāẓir wa Junnat al-Manāẓir*. Riyadh, KSA: Sharikat ‘Ihtrā’ al-Mutūn.
- Ismail, A. G., & Mat Nor, F. (2010). Menilai model ekonomi baru dalam konteks Maqasid Shariah. *Muzakarrah Pakar Sistem Kewangan Islam*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Digital Negara. (t.th.). *Pelaburan dan percukaian*. Diperolehi daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30864?language=my>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Tiga kategori masalah (kebaikan)*. Diperolehi daripada <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-masalah-kebaikan>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2020). *Carian soal jawab agama*. Diperolehi daripada <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/b?id=1713>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). *Hukum menggunakan ‘content’ orang lain*. Diperolehi daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/11/07/37-taudhih-al-hukmi-hukum-menggunakan-content-orang-lain/>.
- Jaiyeoba, H. B., Ushama, T., & Amuda, Y. J. (2024). The Quran as a source of ethical and moral guidance in contemporary society. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1331–1345. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.485>.
- James, C. (2023). Speculation: trading with high risks, high potential rewards. *Investopedia*. Diperolehi daripada <https://www.investopedia.com/terms/s/speculation.asp>.
- Jubaedah, D., Ahyani, H., Putra, H. M., Prakasa, A., & Mutmainah, N. (2022). Legal analysis of crypto investment in era 4.0 view from credo theory. *Diponegoro Law Review*, 7(2), 262–278. <https://doi.org/10.14710/dilrev.7.2.2022.262-278>.
- Kaur, M. (2021). No plans to regulator cryptocurrencies for now, says deputy minister. *Free Malaysia Today*. Diperolehi daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/12/13/no-plans-to-157-regulate-cryptocurrencies-for-now-says-deputy-minister/>.
- Al-Khādīmī, N. M. (2001). *‘Ilm al-maqāṣid al-shar‘iyyah*. Riyadh, KSA: Maktabat al-‘Abīkān.
- Al-Khelaifi, R. M. (2004). Shari’ah objectives and their impact on the jurisprudence of financial transaction. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 17(1), 3–49. <http://doi.10.4197/islec.17-1.5>.
- Al-Khūlī, M. ‘A. A. (2002). *Al-Adab al-nabawī*. Beirut, Lebanon: Dār al-Ma‘rifah.
- Koc, C. & Bloomberg (2022). Lagarde says crypto is ‘worth nothing’ and should be regulated. *The Edge Markets*. Diperolehi daripada <http://www.theedgemarkets.com/article/lagarde-says-crypto-worth-nothingand-should-be-regulated>.
- Kurniawan, M. R., Purbowisanti, R., & Amsy, M. R. M. (2023). Risks and investment of cryptocurrency: An Islamic approach. *Journal of Islamic Business and Enterprises*, 1(1), 1–12. Diperolehi daripada <http://thejournalish.com/ojs/index.php/jisben/article/view/418>.
- Ludwianto, B. (2023). Dari awal hingga sekarang, sejarah perubahan harga Bitcoin. *News Tokocrypto*. diperolehi daripada <https://news.tokocrypto.com/dari-awal-hingga-sekarang-sejarah-perubahan-harga-bitcoin/>.

- Al-Manāwī, M. ‘A. R. (1989). *Al-Tawqīf ‘alā muhimmāt al-ta ‘ārīf*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr al-Mu‘āšir
- Maheshwari, R. (2023). Here’s your guide to bitcoin trading (October 2024). *Forbes Advisor INDIA*. Diperolehi daripada <https://www.forbes.com/advisor/in/investing/cryptocurrency/bitcoin-trading/>.
- Majlis Agama Islam Selangor. (t.th.). *Wang Tidak Patuh Syariah – Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*. Diperolehi daripada <https://mais.gov.my/wang-tak-patuh-syariah/>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2024). *Fahami mengenai crypto dan elakkan dari penipuan*. Diperolehi daripada <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/09/10/fahami-mengenai-crypto-dan-elakkan-dari-penipuan-pelaburan/>.
- Mata Wang Kripto: Antara Peluang dan Risiko. (2024). *Astro Awani*. Diperolehi daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/mata-wang-kripto-antara-peluang-dan-risiko-501401>.
- Maulan, S. (2021). *Kenapa harga saham jatuh atau naik*. Diperolehi daripada <https://pakdi.substack.com/p/kenapa-harga-saham-jatuh-atau-naik>.
- Muhammad, M. Ş. (2003). *Mawsū‘at al-qawā‘id al-fiqhiyyah*. Beirut, Lebanon: Mu‘assasat al-Risālah.
- Muhammad S. N. S. (2020). *Skema investasi Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia: Suatu penilaian dari perspektif maqashid syariah*. (Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry). Diperolehi daripada <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/19497/1/Muhammad%20Sufyan%20Naim%20Bin%20Syahrinizam,%20160102234,%20FSH,%20HES,%20+601133092454.pdf>.
- Musa, K. (1994). *Aḥkām al-mu ‘āmalāt*. Beirut, Lebanon: Mu‘assasat al-Risālah.
- Mustaffa, M. F. (2005). *Pengurusan harta dalam Islam*. Diperolehi daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/2005/02/28/pengurusan-harta-dalam-islam/>.
- Nakamoto, S. (t.th.). *Bitcoin: A peer-to-peer electronic cash system*. Diperolehi daripada <https://bitcoin.org/bitcoin.pdf>.
- Al-Nawawī, Z. Y. (1994). *Ṣaḥīḥ Muslim bi sharḥ al-Nawawī*. Kaherah, Mesir: Mu‘assasah Qurtubah.
- Nurhendi, H. S. (2024). *Konsep harta dalam Islam*. Malang, Indonesia: PT. Literasi Nusantara Abadi Grup.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018a). *Irsyad hukum siri ke 263: Hukum menipu untuk tujuan marketing*. Diperolehi daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2718-irsyad-al-fatwa-siri-ke-263-hukum-menipu-untuk-tujuan-marketing>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018b). *Al-Kafi #964: Untung berlipat ganda: Adakah itu riba*. Diperolehi daripada <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2887-al-kafi-964-untung-berlipat-ganda-adakah-itu-riba>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019a). *Irsyad usul al-fiqh siri ke-33: Pengenalan kepada ilmu maqasid syariah*. Diperolehi daripada <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pondahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah?highlight=WyJsdXFtYW4iLCJ0YXJtaXppliwibHVxbWVfUHRhcmIpemkiXQ>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019b). *Bayan linnas siri ke-200: Pengisytiharan harta menurut Islam: inilah pendapat kami*. Diperolehi daripada <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3585-bayan-linnas-siri-ke-200-pengisytiharan-harta-menurut-islam-inilah-pendapat-kami>.

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2021). *Al-kafi #1756: hukum pemodal menuntut modal pelaburan selepas perniagaan mengalami kerugian*. Diperolehi daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4648-al-kafi-1756-hukum-pemodal-menuntut-modal-pelaburan-selepas-perniagaan-mengalami-kerugian>.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. (2006). *Akta Tandatangan Digital 1997 (Akta 562)*. Diperolehi daripada https://ppii.uitm.edu.my/images/pekeliling/lain_lain/AKTA_TANDATANGAN_DIGITAL_1997AKTA562.pdf.
- Al-Qarā'adāghī, A. M. (2010). *al-Muqaddimah fī al-māl wa al-iqtisād wa al-mulkīyah wa al-'aqd*. Beirut, Lebanon: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- Rani, M. A. H. C., & Salleh, A. D. (2019). Analisis syariah terhadap kedudukan bitcoin sebagai alat pembayaran. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1 (2), 46–64. <http://doi.org/10.26475/jcil.2019.4.2.05>.
- Rays, A. A. (2015). *Al-Maḥṣūl fī sharḥ Ṣafwat al-Uṣūl*. Damsyik, Syria: Dar al-Barāzī.
- Al-Raysūnī, A. (1992). *Nazariyyat al-maqāṣid 'inda al-imām al-Shāṭibī*. Riyadh, KSA: Dār al-Ālamiyyah li al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Shāṭibī, I. I. (1997). *al-Muwāfaqāt*. Kaherah, Mesir: Dār Ibn 'Affān.
- Sholihah, S. R., & Yazid, M. (2023). Tinjauan pemikiran cendekiawan Islam kontemporer mengenai Bitcoin dalam konteks Hifz al-Māl; implikasi dan perspektif. *Falah: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 5(2), 11-24. <https://doi.org/10.55510/fjhes.v5i2.229>.
- Siddīq, A. F. S. (2017). Maqāṣid al-sharī'ah fī ḥifz al-māl. *Egyptian Journal*, 11(29), 525-569. <http://doi: 10.21608/bfdc.2017.37376>.
- Sooi, C. C. (2022). Malaysia ranks 7th in cryptocurrency ownership out of 27 countries. *Focus Malaysia*. Diperolehi daripada <https://focusmalaysia.my/malaysia-ranks-7th-in-cryptocurrency-ownership-out-of-27-countries/>.
- Synder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104. 333-339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>.
- Al-Shawkānī, M. A. (2000). *Irshād al-fuḥūl ilā taḥqīq al-ḥaqq min 'ilm al-uṣūl*. Riyadh, KSA: Dār al-Faḍīlah.
- Al-Shibili, A. A., Saleh, A. Z., & Zakaria, M. Z. (2019). Witness testimony and its impediments between islamic law and contemporary laws. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1), 71–83. <https://doi.org/10.33102/mjsl.v7i1.123>.
- Al-Suyūṭī, J. A. A. B. (1983). *Al-Ashbāh wa al-nazā'ir*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tipawael, H. (2023). Bagaimana cara membeli Bitcoin – panduan untuk Ppmula. *Business 2 Community*. Diperolehi daripada <https://www.business2communitymalaysia.com/cryptocurrency/beli-bitcoin>.
- Wartoyo, W., & Septian, A. (2022). Cryptocurrency in the perspective of Maqasid al-Shariah: A critical analysis of the mafsadah (harm) and the maslahah (benefit) of cryptocurrency. *AFKARUNA: Indonesian Journal of Religious Studies*, 18(1), 1-21. <https://doi.org/10.18196/afkaruna.v18i1.14164>.
- Wijaya, F. N. A. (2019). Bitcoin sebagai digital aset pada transaksi elektronik di Indonesia (Studi pada PT. Indodax Nasional Indonesia). *Jurnal Hukum Bisnis Bonum Commune*, 2(2), 126. <https://doi.org/10.30996/jhbbs.v2i2.2388>.

World Population Review. (t.th). *Bitcoin ownership by country*. Diperolehi daripada <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/bitcoin-ownership-by-country>.

Xian, L. J. (2020). Woman slapped with 31 investment fraud charges, pleads not guilty. *The Star*. Diperolehi daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/07/03/woman-slappedwith-31-investment-fraud-charges-pleadsnotguilty?fbclid=IwAR0DmdxfgmrmqqrGxQeqEMnMVe34KyNEYb5iy0DfVkJNdRPyY-BRLcw-J44>.

Yahya, M. A., Shariff, A. A. M., Rashid, A. M., & Hashim, F. Y. (2020). Pengemukakan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perbicaraan Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat (JUUM)*, 27, 55-63. <https://doi.org/10.17576/juum-2020-27-06>.

Yuan, L. M. (2018). Kemahiran perolehan dan pengurusan maklumat [Catatan Blog]. Diperolehi daripada <http://talimso9900.blogspot.com/2018/09/sumber-primer-dan-sumber-sekunder.html>.

Zain, M.M (2012). Maqasid al-Syariah sebagai dasar perniagaan orang Islam. Diperolehi daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/2012/06/11/maqasid-al-syariah-sebagai-dasar-perniagaan-orang-islam/>.

Al-Zuhaylī, W. (1985). *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

